

12/11/1999

Beberapa menteri besar mungkin digugur

KUALA LUMPUR, Khamis - Beberapa pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) dijangka tidak bertanding dalam pilihan raya kali ini, bagi memberi laluan kepada muka baru.

Sumber-sumber berkata, mereka yang dijangka tidak dicalonkan semula itu bukan saja membabitkan menteri dan timbalan menteri, malah mungkin beberapa menteri besar.

Semalam, beberapa pemimpin komponen BN menyatakan akan mengemukakan antara 10 hingga 50 peratus muka baru sebagai calon pilihan raya umum kali ini.

Malah, selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN malam tadi, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut membayangkan kemungkinan ramai muka lama digugurkan kali ini.

Walaupun tidak menyatakannya secara langsung, nasihat beliau supaya wakil-wakil rakyat BN yang tidak terpilih bertanding kali ini membantu menjayakan kemenangan calon parti itu, dianggap memberi petanda bahawa ramai yang tidak dicalonkan semula.

Sementara itu, menteri-menteri besar selaku pengerusi BN dan ketua badan perhubungan Umno di negeri masing-masing mula mengadakan mesyuarat bagi menentukan senarai calon untuk dikemukakan kepada BN Pusat.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata, badan itu akan bermesyuarat malam esok bagi menentukan senarai calon. Mesyuarat BN negeri pula akan diadakan sehari selepas itu.

"Semua bahagian perhubungan Umno telah diminta menyediakan senarai calon selewat-lewatnya esok, untuk dikemukakan kepada saya pada mesyuarat malam esok," katanya di Kuala Terengganu hari ini.

Wan Mokhtar berkata, jumlah sebenar calon baru belum diketahui tetapi perubahan calon mungkin berlaku di kawasan yang tewas kepada pembangkang dan kerusi yang dijangka menghadapi saingan sengit (50-50).

"Calon yang sudah pasti menang akan dikekalkan ... calon yang mempunyai peluang 50-50 mungkin dipindah ke kawasan lain atau mungkin bertukar dari Parlimen ke Dewan Undangan Negeri atau sebaliknya," kata beliau.

Pengerusi BN Johor, Datuk Abdul Ghani Othman berkata, beberapa muka baru akan diketengahkan untuk bertanding bagi kerusi Dewan Undangan Negeri pada pilihan raya umum kali ini.

"Ada yang lama dan ada yang baru. Ia kombinasi lama dan baru," katanya kepada pemberita selepas menghadiri demonstrasi Mushin-Do, seni mempertahankan diri dari Jepun, di Johor Bahru malam tadi.

Beliau meminta bahagian-bahagian Umno di Johor supaya mengemukakan nama calon yang dicadangkan untuk penelitian dan dikemukakan kepada BN pusat untuk kelulusan.

Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar berkata, beliau akan mengadakan mesyuarat dengan pimpinan Umno Selangor malam ini, manakala mesyuarat dengan pemimpin BN negeri akan diadakan petang esok bagi menentukan senarai calon.

Seperti kebiasaan, katanya, pilihan raya kali ini juga akan memperlihatkan muka-muka baru yang diberi peluang untuk menunjukkan kebolehan mereka dalam pentadbiran kerajaan.

"Walaupun pada dasarnya saya sudah mempunyai senarai nama calon yang dirasakan sesuai, saya masih menimbang beberapa cadangan daripada bahagian tertentu.

"Bagaimanapun, keputusan muktamad terletak kepada Dr Mahathir selaku

presiden parti dan pengerusi BN," katanya.

Pengerusi BN Melaka, Datuk Seri Abu Zahar Isnin berkata, beberapa muka baru di kalangan pemimpin muda akan dipilih bagi bertanding merebut kerusi Dewan Undangan Negeri.

"Kita mencadang meletakkan calon muda bagi menggantikan antara 25 hingga 35 peratus daripada ahli Dewan sekarang," katanya dalam sidang akhbar di pejabatnya hari ini.

Di Seremban, semua wakil rakyat BN hari ini berjanji di depan Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad mereka akan terus memberikan sokongan kepada calon BN walaupun tidak terpilih bertanding semula.

Tidak hadir ialah Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Wong See Wah yang sebelum ini dilaporkan tidak mahu bertanding semula dan Ahli Dewan Undangan Gemencheh, Datuk Waad Mansor masih lagi menghadapi dua tuduhan rasuah.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang, Datuk Mohd Shariff Omar berkata, badan itu akan bermesyuarat malam ini dengan dipengerusikan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Bagaimanapun, saya tidak pasti sama ada soal calon akan menjadi sebahagian daripada agenda mesyuarat itu," katanya.

Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud berkata, sekurang-kurangnya 30 peratus muka baru akan diketengahkan untuk bertanding dalam pilihan raya kali ini.

"Pengalaman dan darah baru perlu disuntik dalam barisan wakil rakyat, jika tidak parti akan menjadi muzium," katanya selepas menerima Anugerah Kualiti Bintang Emas 1999 di Kuching hari ini.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, calon BN yang akan bertanding dipilih berdasarkan penerimaan rakyat dan yang penting ialah kemenangan parti.

"Insya-Allah kita akan memilih sesiapa saja yang diterima rakyat. Kalau wanita, wanitalah kalau ketua bahagian, ketua bahagianlah, kalau ahli biasa ahli biasalah," katanya di Rompin hari ini.

(END)